

PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN SIMPULAN BAHASA SEKOLAH RENDAH

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

NORHAFIDAH BINTI HANAPIAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN SIMPULAN BAHASA
SEKOLAH RENDAH**

NORHAFIDAH BINTI HANAPIAH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) 4 (bulan) 20 23

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORHAFIDAH BINTI HANAPIAH (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN SIMPULAN BAHASA SEKOLAH RENDAH.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya



05-45

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NUR FARAHKHANNA BINTI MOHD RUSLI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN SIMPULAN BAHASA SEKOLAH RENDAH.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12.4.2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia
DR. NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak
Tel : 019-6329577





SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENDEKATAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN
SIMPULAN BAHASA SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / Matric's No.: M20201000660

Saya / I: NORHAFIDAH BINTI HANAPIAH

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Deserti/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒ **TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS**


DR. NUR FARAKHANNA MOHD RUSLI
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak
Tel : 019-6329577

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13.4.2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT dengan segala kurnia dan rahmat-Nya saya telah dapat menyiapkan penulisan disertasi ini. Rakaman setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada insan dan institusi yang terlibat sepanjang proses menyelesaikan kajian ini. Istimewa buat suami, Kamarul Hisham bin Haji Othman yang sentiasa menjadi tulang belakang, memberi semangat dan dorongan juga pengorbanan masa yang tidak terhingga dalam setiap langkah saya untuk menghabiskan pengajian dan kajian. Juga, buat kedua orang tua saya iaitu Allahyarham Hanapih bin Abdullah dan ibu saya Allahyarhamah Sa'adiah Binti Sapie. Biarpun keduanya telah tiada disisi saya kini, saya percaya harapan, kasih sayang dan doa keduanya tetap ada dan berpanjangan buat saya hingga saya berjaya menyelesaikan tugas sebagai pelajar dan pengkaji.

Seterusnya, tidak lupa juga buat penyelia yang banyak membantu dan membimbing serta memberikan panduan dalam menyiapkan kajian iaitu Dr. Nur Farakhanna binti Mohd Rusli. Sesungguhnya bimbingan dan panduan diberikan membantu saya menulis sebaik-baik kajian agar perkongsian hasil kajian dapat dimanfaatkan pihak lain. Begitu juga buat semua institusi yang terlibat dengan pemberian kebenaran untuk melaksanakan kajian seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan sekolah yang dipilih sebagai lokasi kajian. Kerjasama yang diberikan telah memudahkan urusan penghasilan kajian hingga ke saat akhir.

Akhir kata, semoga segala usaha, bantuan serta perkongsian idea secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan disertasi ini membawa rahmat dan diberkati Allah SWT hendaknya. Mudah-mudahan ilmu yang bermanfaat akan berhasil mendidik dan mengajar anak murid menjadi insan yang berguna kepada keluarga, agama, bangsa dan negara.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa sekolah rendah. Objektif kajian terdiri daripada pertama mengenal pasti pendekatan didik hibur yang digunakan guru dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah, objektif kedua menghuraikan cabaran yang dihadapi guru ketika pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah dan objektif ketiga menjelaskan kefahaman murid berkaitan topik simpulan bahasa berdasarkan Teori Relevans. Kajian bentuk kualitatif ini melibatkan seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu dan 12 orang murid tahun lima disebuah sekolah rendah dalam negeri Selangor sebagai responden kajian. Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan, pemerhatian, temu bual dan analisis kandungan dokumen. Hasil analisis data kajian mendapati guru menggunakan pendekatan didik hibur secara nyanyian, lakonan dan puisi untuk menjelaskan bentuk dan maksud simpulan bahasa. Hasil kajian turut menunjukkan terdapat empat aspek yang menjadi cabaran pelaksanaan pendekatan didik hibur di bilik darjah iaitu latihan profesional, masa, bahan bantu mengajar dan murid. Hasil analisis dokumen pula menunjukkan enam simpulan bahasa dianalisis berdasarkan Teori Relevans kerana soalan tersebut berlaku pemilihan jawapan yang tidak tepat telah dilakukan oleh murid. Implikasinya, pendekatan didik hibur yang diaplikasikan guru di bilik darjah merupakan pendekatan yang sesuai untuk menyampaikan isi pelajaran pelajaran tentang topik simpulan bahasa yang mengutamakan pengajaran menyeronokkan dan penglibatan murid secara aktif terhadap aktiviti yang dilaksanakan di bilik darjah.



FUN LEARNING APPROACH IN THE TEACHING OF PRIMARY SCHOOL IDIOMS

ABSTRACT

This study aims to analyze the fun learning approach in the teaching of primary school idioms. The objectives of the study consist of firstly identifying the fun learning approach used by teachers in teaching idioms to primary school students, the second objective describing the challenges faced by teachers when implementing the fun learning approach in teaching idioms to primary school students and the third objective explaining students' understanding of the topic idioms based on Relevance Theory. This qualitative research involves a Malay subject teacher and 12 fifth year students in a primary school in the Selangor district as research respondents. Research data was obtained through library methods, observation, interviews and document content analysis. The results of the analysis of the research data found that the teacher used the approach of teaching entertainment through singing, acting and poetry to explain the form and meaning of idioms. The results of the study also show that there are four aspects that are a challenge in the implementation of the fun learning approach in the classroom, namely professional training, time, teaching aids and students. The results of the document analysis showed that six idioms were analyzed based on the Relevance Theory because the question was made by the students in which incorrect answers were selected. The implication is that the fun learning approach applied by the teacher in the classroom is a suitable approach to convey the content of lessons on idiom topics that prioritize fun teaching and active student involvement in the activities carried out in the classroom.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xvii
-------------------------	------

BAB 1	Pengenalan
--------------	-------------------

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	1
-----	-----------------------	---

1.2.1	Pendekatan Didik Hibur Dalam Pendidikan Bahasa Melayu	4
-------	---	---

1.2.2	Peribahasa	8
-------	------------	---

1.2.3	Simpulan Bahasa	9
-------	-----------------	---





1.3	Pernyataan Masalah	10
1.3.1	Aspek Pendekatan Pengajaran	10
1.3.2	Aspek Pengajaran Peribahasa	15
1.4	Objektif Kajian	20
1.5	Soalan Kajian	21
1.6	Kepentingan Kajian	21
1.6.1	Kepentingan Kajian kepada Guru	22
1.6.2	Kepentingan Kajian kepada Murid	23
1.6.3	Kepentingan Kajian kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	23
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.8	Batasan Kajian	26
1.8.1	Pemilihan Lokasi Kajian	26
1.8.2	Pemilihan Responden Kajian	27
1.8.3	Pemilihan Bidang Kajian	28
1.9	Definisi Operasional	28
1.9.1	Pendekatan	28
1.9.2	Didik Hibur	29
1.9.2.1	Nyanyian	30
1.9.2.2	Lakonan	30
1.9.2.3	Bercerita	31
1.9.2.4	Puisi	32
1.9.3	Peribahasa	32



1.9.4	Simpulan Bahasa	33
-------	-----------------	----

1.10	Rumusan	33
------	---------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	35
-----	-------------	----

2.2	Kajian Pendekatan Didik Hibur Dalam Pendidikan Bahasa Melayu	35
-----	--	----

2.3	Kajian Peribahasa Dalam Kalangan Murid Sekolah	52
-----	--	----

2.4	Kajian Simpuln Bahasa	61
-----	-----------------------	----

2.5	Kajian Teori Relevans	67
-----	-----------------------	----

2.6	Rumusan	71
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	72
-----	-------------	----

3.2	Kerangka Teori	72
-----	----------------	----

3.2.1	Konteks	75
-------	---------	----

3.2.2	Kesan Konteks	75
-------	---------------	----

3.2.3	Usaha Memproses	77
-------	-----------------	----

3.3	Reka Bentuk Kajian	77
-----	--------------------	----

3.4	Kaedah Kajian	80
-----	---------------	----

3.4.1	Kaedah Kepustakaan	80
-------	--------------------	----

3.4.2	Kaedah Pemerhatian	82
-------	--------------------	----

3.4.3	Kaedah Temu Bual Separa Struktur	83
-------	----------------------------------	----

3.4.4	Kaedah Analisis Kandungan Dokumen	86
-------	-----------------------------------	----

3.5	Instrumen Kajian	87
3.5.1	Alat Perakam Audio	87
3.5.2	Buku Catatan	88
3.5.3	Soalan Temu Bual Separa Struktur	88
3.5.4	Soalan Ujian Simpulan Bahasa	89
3.6	Persampelan	89
3.7	Lokasi Kajian	92
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	93
3.9	Prosedur Penganalisan Data	96
3.9.1	Penganalisan Data Pemerhatian	97
3.9.2	Penganalisan Data Temu Bual	98
3.9.3	Penganalisan Data Soalan Ujian Simpulan Bahasa	100
3.10	Kesahan	101
3.10.1	Kesahan Individu Pakar	102
3.11	Pertimbangan Etika	102
3.11.1	Etika Sebelum Pelaksanaan Kajian	104
3.11.2	Etika Ketika Kajian Sedang Dilaksanakan	104
3.11.3	Etika Selepas Pelaksanaan Kajian	106
3.12	Rumusan	106
 BAB 4 ANALISIS DAPATAN		
4.1	Pendahuluan	108

4.2	Pendekatan Didik Hibur Yang Digunakan Guru Dalam Pengajaran Simpulan Bahasa Terhadap Murid Sekolah Rendah	109
4.2.1	Aktiviti Nyanyian	109
4.2.2	Aktiviti Lakonan	118
4.2.3	Aktiviti Puisi	123
4.3	Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Simpulan Bahasa Terhadap Murid Sekolah Rendah	129
4.3.1	Cabaran Aspek Latihan Profesional.	129
4.3.2	Cabaran Aspek Masa.	132
4.3.3	Cabaran Aspek Bahan Bantu Mengajar	134
4.3.4	Cabaran Aspek Murid	135
4.4	Hubung Kait Kefahaman Murid Tentang Simpulan Bahasa Berdasarkan Teori Relevans	138
4.4.1	Simpulan Bahasa <i>Susah Hati</i>	140
4.4.2	Simpulan Bahasa <i>Bulat Kata</i>	141
4.4.3	Simpulan Bahasa <i>Langkah Kanan</i>	143
4.4.4	Simpulan Bahasa <i>Halwa Mata</i>	145
4.4.5	Simpulan Bahasa <i>Ambil Angin</i>	147
4.4.6	Simpulan Bahasa <i>Peluk Tubuh</i>	148
4.5	Rumusan	150

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	152
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	153

5.2.1	Perbincangan Dapatan Kajian Pertama	154
5.2.2	Perbincangan Dapatan Kajian Kedua	159
5.2.3	Perbincangan Dapatan Kajian Ketiga	165
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	167
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	170
5.5	Rumusan	171
RUJUKAN		173
LAMPIRAN		186

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah Keseluruhan Responden Kajian	91
3.2	Tema Bagi Penganalisan Data Rakaman Audio	98
3.3	Pengkategorian Analisis Data Temu Bual Berdasarkan Tema dan Subtema	99
3.4	Maklumat Pakar Kesahan Soalan Temu Bual Separa Struktur	102
3.5	Prinsip Utama Etika Semasa Menjalankan Kajian	105
4.1	Sesi Pengajaran Topik Simpulan Bahasa yang Dilaksanakan di Bilik Darjah.	110
4.2	Simpulan Bahasa Pada Sesi Pengajaran Pertama	114
4.3	Simpulan Bahasa Pada Sesi Pengajaran Kedua	116
4.4	Simpulan Bahasa Pada Sesi Pengajaran Ketiga	121
4.5	Simpulan Bahasa Pada Sesi Pengajaran Keempat	123
4.6	Petunjuk Betul Salah Pada Setiap Kedudukan Soalan Ujian Simpulan Bahasa dan Jumlah Betul Salah Pada Setiap Soalan	139
4.7	Soalan dan Jawapan yang Dipilih Murid Bagi Simpulan Bahasa <i>Susah Hati</i>	140

4.8	Soalan dan Jawapan yang Dipilih Murid Bagi Simpulan Bahasa <i>Bulat Kata</i>	141
4.9	Soalan dan Jawapan yang Dipilih Murid Bagi Simpulan Bahasa <i>Langkah Kanan</i>	143
4.10	Soalan dan Jawapan yang Dipilih Murid Bagi Simpulan Bahasa <i>Halwa Mata</i>	145
4.11	Soalan dan Jawapan yang Dipilih Murid Bagi Simpulan Bahasa <i>Ambil Angin</i>	147
4.12	Soalan dan Jawapan yang Dipilih Murid Bagi Simpulan Bahasa <i>Peluk Tubuh</i>	148



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kategori peribahasa Melayu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)	8
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	25
3.1 Kerangka Teori Kajian	73
3.2 Tema Dan Subtema Yang Dijadikan Panduan Soalan Temu Bual	88



SENARAI SINGKATAN

BDDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Malaysia
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SB	Simpulan Bahasa
SDH	Sekolah Dalam Hospital

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Oleh Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM
- B Surat Kelulusan Oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Oleh UPSI
- D Surat Permohonan Menjalankan Kajian Di Sekolah
- E Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan
- F Instrumen 2 Buku Catatan
- G Instrumen 3 Soalan Ujian Simpulan Bahasa
- H Borang Jawapan Soalan Ujian Simpulan Bahasa
- I Skema Jawapan Soalan Ujian Simpulan Bahasa
- J Instrumen 4 Soalan Temu Bual Separa Struktur

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, definisi operasional dan rumusan yang berfungsi sebagai penjelasan awal tentang kajian pendekatan didik hiburan dalam pengajaran simpulan bahasa sekolah rendah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia amat menitikberatkan pendidikan terhadap warganegaraanya kerana pendidikan mampu merealisasikan hasrat negara agar terus kekal sebagai sebuah negara yang berprestasi hebat dari aspek ekonomi, sosial, dan kerohanian. Selain itu, pendidikan akan melahirkan warganegara yang sentiasa bersatu padu, demokratik dan dinamik. Tiga aspek yang disenaraikan ini menjadi akar dan kekuatan terhadap

pembentukan sistem pendidikan yang bermutu dan diktiraf diseluruh dunia. Hal ini bertujuan merealisasikan sepenuhnya potensi seseorang individu dan mencapai aspirasi negara Malaysia (Akta Pendidikan 1996, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Kejayaan aspirasi pendidikan negara tidak hanya terletak kepada usaha kerajaan Malaysia melalui program-program pendidikan yang dibentuk tetapi turut melibatkan usaha seorang insan yang bergelar guru. Guru dilihat mempunyai keupayaan serta memiliki potensi untuk mendidik, mengajar dan membimbing kanak-kanak seawal usia tujuh tahun di sekolah rendah hingga mencapai usia tujuh belas tahun di peringkat sekolah menengah bagi mewujudkan individu yang berilmu, berpengetahuan, berakhlak mulia serta memberi manfaat terhadap keluarga, agama, bangsa dan negara. Demi mewujudkan pelbagai manfaat yang dikehendaki daripada diri seorang insan, seorang guru itu seharusnya mantap dari segi pemilikan ilmu pengetahuan dan pedagogi perguruan.

Sesi pengajaran ialah proses memindahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran daripada seorang guru kepada seorang murid atau kelompok murid yang mengikuti sesuatu pembelajaran (Jahidih Saili, 2015). Oleh yang demikian, guru perlu menguasai pedagogi terutamanya pedagogi pengetahuan kandungan. Menjadi keutamaan untuk seseorang guru mengetahui dan menguasai pedagogi kerana aspek tersebut memainkan peranan terpenting dalam menentukan strategi, kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran guru di bilik darjah.

Pengetahuan kandungan menjadi nadi terpenting dalam proses penyampaian ilmu dari seorang guru kepada muridnya. Pengetahuan kandungan merupakan ilmu pengetahuan seseorang guru mengenai isi kandungan sesuatu mata pelajaran dan guru

perlu menguasai kefahaman terhadap bidang ilmu yang diajar (Magdeline dan Zamri, 2014). Penguasaan pengetahuan kandungan adalah wajah kepada cara seseorang guru menyampaikan isi kandungan pelajaran melalui cara dan keadaan yang mudah difahami oleh pelajar (Muhammad Hafizan dan Anuar, 2017).

Menurut Nor Amalina Ab Hakim dan Zanaton Iksan (2019), pemilihan pendekatan pengajaran yang diamalkan akan menentukan tahap pencapaian kualiti pengajaran seorang guru. Menjadi tanggungjawab utama guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dengan mengaplikasikan pendekatan pengajaran terkini walaupun perkara ini dilihat mencabar kompetensi diri guru tersebut. Namun, usaha meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pastinya menjadi sukar jika seorang guru itu tidak bersedia dan bersikap sambil lewa terhadap proses pengajaran yang dilaksanakan di bilik darjah.

Pendidikan negara Malaysia mengalami perubahan demi perubahan hasil proses semakan kurikulum oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Semakan kurikulum pendidikan negara Malaysia telah melahirkan pembentukan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan bermula tahun 2011 di sekolah rendah manakala, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula diguna pakai secara berperingkat bermula pada tahun 2014. Kedua-dua semakan kurikulum ini termaktub di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025. Melalui pelan pendidikan ini, para guru diseru dan digalakkan mencuba pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik untuk memantapkan penyampaian ilmu pengetahuan.



1.2.1 Pendekatan Didik Hibur Dalam Pendidikan Bahasa Melayu

Pendekatan didik hibur dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu dari tahun satu hingga tahun enam sebagai pendekatan ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang mengutamakan situasi pembelajaran menyeronokkan secara terancang. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggalakkan para guru mengaplikasikan pendekatan didik hibur ketika mengajar mata pelajaran bahasa Melayu yang merangkumi aktiviti seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi. Pendekatan didik hibur dilaksanakan secara merentas kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Kepelbagaian pemilihan pendekatan ketika seorang guru mengajar di bilik darjah akan menghasilkan impak yang baik buat semua anak murid yang hadir, mendengar dan melakukan aktiviti yang diarahkan di bilik darjah. Sebagai seorang guru yang telah menerima latihan perguruan bertahun-tahun, dibekalkan dengan pelbagai panduan mengajar secara teori mahupun praktikal seharusnya penguasaan pedagogi boleh dimanfaatkan melalui pendekatan pengajaran di bilik darjah secara menarik, kreatif dan bermotivasi untuk mencipta murid-murid yang mahir aspek berbahasa dalam kehidupan seharian sama ada lisan mahupun tulisan.

Antara pendekatan tersebut yang kini ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya buat mata pelajaran bahasa Melayu adalah pendekatan didik hibur. Seorang guru yang mahir dan menguasai pedagogi kandungan, gabungan bersama pendekatan didik hibur ketika mengajar memberi petunjuk mampu melonjakkan penguasaan murid terhadap isi pelajaran yang dipelajari dari hari ke hari.





Kebijaksanaan guru mengguna pakai aktiviti didik hibur boleh menjadikan iklim bilik darjah berada dalam keadaan yang selesa serta membantu mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan murid. Dengan pengurangan masalah disiplin, hubungan baik antara murid dan guru turut tercipta. Tambahan pula, dengan kehadiran lisan mahupun perbuatan guru yang mengutarakan unsur lucu dan kecindan pasti akan membuatkan murid-murid ternanti-nanti kehadirannya di bilik darjah untuk belajar. Menurut Dee Dickinson (2002), kelucuan dan kegembiraan mampu menjadi pentadbir terhadap perkara-perkara yang dianggap sukar diselesaikan.

Sesungguhnya, demi memacu perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, individu dan kumpulan penggubal Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah mengambil kira dan berpandangan mendalam akan pembelajaran yang menyeronokkan. Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) menjelaskan pendekatan didik hibur sebagai pendekatan pengajaran yang mengaplikasikan aktiviti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi yang akan membangkitkan motivasi murid untuk fokus kepada pengajaran guru, mewujudkan ruang keseronokan belajar kerana potensi peluang untuk kreatif dan melibatkan diri terhadap segala aktiviti pembelajaran tanpa ada rasa siapa salah siapa betul serta takut kepada guru yang bersikap diktator terhadap kesalahan yang dilakukan. Pelaksanaan pendekatan didik hibur membolehkan hubungan dua hala antara guru dan murid berlaku seperti melalui sesi soal jawab yang akan merangsang minda murid untuk memahami isi pelajaran.

Perkataan pendekatan dirujuk maknanya sebagai cara seseorang guru mengajar berdasarkan objektif pengajaran yang hendak dicapai pada masa tersebut (Zamri Mahamod, 2019). Manakala, didik merujuk kepada proses mendidik dan hibur pula





merujuk definisinya sebagainya seronok dan gembira (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2021). Apabila ketiga-tiga perkataan ini disatukan, makna terhadap pendekatan didik hibur boleh yang boleh diguna pakai ialah cara seorang guru mengajar melalui proses pendidikan yang menyeronokkan dan menggembirakan. Pengajaran guru yang menyeronokkan dan menggembirakan murid akan menjayakan semua objektif pengajaran yang dirancang apatah lagi jika pengulangan topik dilaksanakan dengan merentas elemen kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, tatabahasa dan seni bahasa dapat dikuasai oleh murid dengan sebaiknya. Keseronokkan dan kegembiraan yang diadaptasi melalui aktiviti dirancang membolehkan murid memberi kerjasama dalam setiap arahan yang diberikan oleh guru disamping membentuk budaya menghormati orang lain, bertolak ansur melakukan sesuatu perkara dan tidak takut, tidak malu atau segan menonjolkan sisi bakat sedia ada dalam diri yang boleh memberi kesan baik kepada murid lain.



Terdapat beberapa aspek yang boleh dipertimbangkan dalam melaksanakan pendekatan didik hibur. Aspek-aspek ini membantu guru menyediakan satu set pengajaran secara terancang, teliti dan boleh menghasilkan kepuasan terhadap diri sendiri serta murid. Sesi pengajaran di bilik darjah bukan hanya untuk mencipta suasana gembira, seronok dan berunsurkan kelucuan tetapi yang lebih penting adalah berkaitan penguasaan murid terhadap topik yang diajar pada masa tersebut.

Pendekatan didik hibur dianggap berjaya pengaplikasiannya jika guru mampu merancang, mengelola, menyampaikan, membimbing dan seterusnya memberi penilaian positif dengan tujuan murid dapat menguasai topik yang diajar. Antara aspek yang boleh dipertimbangkan agar setiap aktiviti didik hibur yang dirancang oleh guru mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kepada murid adalah seperti





mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran secara santai dan aman supaya apabila aktiviti yang dirancang dapat dijayakan murid dengan situasi pengawalan yang baik. Malah aktiviti yang dirancang awal dan tersusun rapi mampu menarik perhatian, menjadikan murid bersemangat mencuba dan akan memberi sepenuh tumpuan untuk belajar.


Selain itu, dengan pengawalan kelas yang baik, aktiviti yang menarik mewujudkan minat murid untuk melakukan semua aktiviti yang dirancang apatah lagi jika guru tidak memberi tekanan kepada murid seperti mengenakan denda atau memarahi murid yang boleh memalukan mereka di hadapan rakan sekelas hanya kerana kesalahan yang dilakukan. Di sinilah unsur humor boleh diketengahkan. Humor atau jenaka yang positif boleh mengurangkan rasa takut murid terhadap guru. Namun, humor yang diaplikasikan haruslah berbentuk mendidik, memberi peringatan dan tidak sampai murid bersifat kurang hormat terhadap diri seorang guru.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa di peringkat sekolah rendah. Diharapkan laporan akhir kajian ini mampu menjadi panduan dan rujukan kepada guru mata pelajaran bahasa Melayu untuk mengajar simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah supaya mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan jayanya. Perkara ini bertujuan bagi melahirkan murid yang menguasai bahasa Melayu dari segi tulisan mahu pun lisan secara mantap.



1.2.2 Peribahasa

Kurikulum bahasa Melayu menetapkan salah satu topik yang diajar kepada murid sekolah rendah ialah peribahasa. Peribahasa merupakan karya kreatif hasil buah fikir masyarakat terdahulu (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011) dan kemahiran lisan telah dipilih sebagai kaedah untuk menyampaikan dan menyebarkan luas peribahasa kepada masyarakat. Muhammad Zaid Daud (2020) menyatakan, peribahasa dijadikan alat oleh masyarakat Melayu secara kiasan dalam memberi teguran, menyampaikan hasrat hati, menegur tingkah laku tidak sopan dan sebagainya. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu, (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017) peribahasa terbahagi kepada enam kategori iaitu :



Rajah 1.1. Kategori peribahasa Melayu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Berdasarkan rajah 1.1 terdapat enam kategori peribahasa yang disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap kategori peribahasa menghasilkan maksud yang tersendiri dan saling berbeza diantara setiap kategori. Walaupun terdapat enam kategori peribahasa, kajian yang dilaksanakan ini hanya memberi fokus kepada satu kategori peribahasa iaitu simpulan bahasa. Pemilihan simpulan bahasa dilakukan kerana kategori ini diajar kepada murid tahun lima sekolah rendah seperti yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu tahun lima sekolah kebangsaan.



1.2.3 Simpulan Bahasa

Mohd Norizam Jaminan (2012) mendefinisikan simpulan bahasa sebagai kata-kata ringkas atau rangkaian perkataan secara tertentu susunannya dan membawa kepada maksud tertentu. Simpulan bahasa turut dikategorikan sebagai ungkapan yang mantap, memiliki makna yang tersendiri serta mempunyai pengertian yang sama sekali berbeza daripada perkataan yang membinanya. Manakala, Asiah Ismail, Anida Sarudin, Zulkifli Osman dan Husna Faredza Mohamed Redzwan (2021) menyatakan simpulan bahasa sebagai medium berbahasa yang santun untuk mengelakkan insan lain terguris perasaan dan merupakan satu bentuk sahsiah diri yang baik melalui nilai kesopanan.

Seterusnya, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2008) mendefinisikan simpulan bahasa sebagai ungkapan yang terhasil berdasarkan dua atau tiga makna asal perkataan-perkataan tersebut. Antara contohnya ialah mulut manis, panjang tangan, langkah kiri dan sebagainya. Mohd Tajudiin Abd Rahman (2006) pula mendefinisikan simpulan bahasa sebagai kata-kata ringkas yang dirumus dalam susunan tertentu dan membawa maksud yang tertentu. Beliau menyatakan simpulan bahasa mempunyai makna yang tersirat atau tersembunyi berasaskan susunan yang telah dilakukan. Sebagai contoh simpulan bahasa “lipas kudung”. Jika menggunakan makna harfiah atau mata kasar ianya membawa maksud lipas yang tidak ada kaki. Namun, makna sebenar yang tersirat pada simpulan bahasa ini ialah cepat dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Makna yang tersirat berbeza daripada susunan perkataan yang telah dilakukan.

1.3 Pernyataan Masalah

Hasil penelitian pengkaji terhadap beberapa kajian masa lalu berkaitan objektif, metodologi dan hasil kajian serta pengalaman yang dialami sendiri oleh pengkaji sebagai guru mata pelajaran bahasa Melayu, telah menimbulkan dua aspek yang membentuk pernyataan masalah. Berikut merupakan dua aspek pernyataan masalah yang berlaku sehingga kewajaran kajian ini dilaksanakan.

1.3.1 Aspek Pendekatan Pengajaran

Negara-negara berstatus maju di seluruh dunia memulakan kemajuan dan pembangunan jaya negaranya dengan berasaskan pemilikan ilmu pengetahuan dalam kalangan rakyatnya. Berikutan dengan peredaran masa yang berlaku, abad ke-21 menyaksikan dunia mengalami perubahan dalam bidang pendidikan. Perubahan tersebut meliputi pelbagai aspek seperti sesi pengajaran dan pembelajaran dua hala antara guru dan murid dengan kepelbagaian pendekatan, strategi, kaedah dan teknik sama ada di dalam mahu pun di luar bilik darjah. Tidak ketinggalan juga, penggunaan peralatan sokongan mengajar dan belajar serba moden yang telah mendominasi bidang pendidikan. Antara peralatan sokongan pengajaran dan pembelajaran tersebut adalah penggunaan komputer, papan putih pintar (*smart board*), cakera penyimpanan data, pelbagai jenis perisian untuk menghasilkan kuiz, soalan ujian dan sebagainya. Semua ini berupaya memacu taraf pendidikan menjadi lebih baik dan sempurna.



Perubahan teknologi dan kemunculan pelbagai alat teknologi yang memudahkan kerja mengajar dan belajar dalam bidang pendidikan menyebabkan mata pelajaran bahasa Melayu turut menerima perubahan bagi aspek penyampaian pengajaran oleh guru. Namun begitu, terdapat pula cabaran yang perlu dihadapi dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh guru agar pengajaran di bilik darjah mencapai matlamat yang diharapkan. Antara cabaran yang dialami oleh guru adalah pemilihan bentuk pendekatan pengajaran yang sesuai untuk mengajar murid di bilik darjah. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha memastikan murid menguasai dan mencapai matlamat kurikulum bahasa Melayu bakal terganggu atau terjejas disebabkan faktor-faktor yang menidakkan keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan dengan baik.



Kemajuan teknologi pada masa kini telah menyebabkan pengajaran secara konvensional di bilik darjah diakui kurang sesuai untuk dipraktikkan oleh para guru ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan (Mohd Rosmadi dan Hafizhah Zulkifli, 2020). Berdasarkan kajian dinyatakan ini, memperlihatkan bahawa faktor kemajuan teknologi wajar diaplikasi guru ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran agar seiring dengan situasi kehidupan yang dilalui oleh murid pada zaman ini. Pendekatan didik hibur boleh dilaksanakan melalui penggunaan alatan teknologi dan komunikasi seperti komputer, projektor dan pelbagai aplikasi sokongan pembelajaran seperti Kahoot, Quizizz dan sebagainya. Oleh yang demikian, betapa pentingnya penggunaan kaedah yang berkesan dan kreatif terhadap kandungan pengajaran agar seiring dengan perkembangan semasa (Khor, Huan Chin dan Noraini Mohamed Noh, 2016).





Seterusnya, strategi pengajaran lama atau digelar secara tradisional turut mengundang punca kelemahan penguasaan akademik dalam kalangan murid dan menimbulkan risiko murid yang kurang motivasi terhadap aktiviti pembelajaran (Zaidatol Akmaliah, 2005). Strategi pengajaran lama merupakan kebergantungan guru kepada kapur, papan tulis dan buku teks sebagai alat melaksanakan pengajaran di bilik darjah. Tambahan pula, amalan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru menjadikan murid hanya menerima maklumat secara pasif telah menambah kerumitan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang diharapkan kerana tahap penerimaan serta penguasaan pada setiap diri murid adalah berbeza. Sebaliknya, pendekatan didik hibur yang dilaksanakan secara berpusatkan murid memerlukan mereka melakukan pelbagai aktiviti secara aktif berupaya memupuk penerokaan pembelajaran secara lebih meluas dan mewujudkan hubungan komunikasi secara dua hala antara guru dengan murid atau murid dengan rakan sekelas.



Berikutnya, pendekatan pengajaran guru yang tidak mampu menarik perhatian murid telah mengakibatkan murid tertekan dan tiada fokus ketika guru mengajar di bilik darjah. Keadaan ini menghasilkan murid yang bermasalah dari segi disiplin seperti mengganggu rakan sekelas belajar, tidak menghantar tugas diberi guru atau ponteng kelas kerana sesi pengajaran yang tidak menarik minat murid untuk belajar (Alis Puteh, 2016). Pada masa yang sama, sikap guru yang terlalu bertegas atau garang semasa proses pengajaran di bilik darjah menyebabkan timbulnya perasaan takut dan bimbang dalam diri murid untuk mengajukan soalan tentang apa yang tidak difahami. Seharusnya para guru melibatkan semua murid secara langsung dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan cara menjadi seorang fasilitator yang boleh memberi arahan dengan jelas dan memberi teguran jika murid melakukan kesalahan





secara lebih berhemah serta mengambil kira faktor emosi murid dalam mencapai objektif pengajaran yang diharap-harapkan. Perkara ini terlihat disokong melalui hasil kajian oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan dan Zaharani Ahmad (2010), yang mendapati aktiviti pengajaran yang tidak menarik dan tidak kreatif menjadi faktor penyumbang kepada murid hilang minat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat guru yang lebih gemar mengajar dengan menggunakan buku teks, nota-nota tambahan daripada buku rujukan dan menulis dipapan putih sahaja ketika proses pengajaran dilaksanakan (Rozita Radhiah, Abdul Rasid Jamian dan Azhar Md Sabil, 2016). Perkara sebegini berlaku ekoran jumlah murid yang ramai dalam bilik darjah, kekangan masa yang diperuntukkan untuk mengajar dan topik yang dirasakan sukar untuk murid kuasai menyebabkan guru mengambil langkah mudah dengan mengawal kelas agar segala arahan dan pengajaran dapat disampaikan secara menyeluruh tanpa mengambil kira kesan terhadap murid yang mempunyai pelbagai aras kebolehan akademik. Hal ini turut menjadikan pendekatan pengajaran guru masih ditahap lama iaitu menggunakan bahan bantu mengajar sedia ada yang minima seperti buku teks dan papan putih. Situasi sebegini tidak banyak membantu motivasi murid untuk memberi fokus kepada isi pelajaran dan seterusnya menguasai isi pelajaran yang diajar. Oleh itu, kaedah konvensional yang hanya berpaksikan pen marker, buku teks dan papan putih di bilik darjah dilihat kurang berkesan untuk pengajaran yang menarik kepada murid-murid.





Disamping itu, terdapat pula sebilangan guru yang gemar menjadikan teknik hafalan semata-mata hingga menimbulkan perasaan bosan dan jemu dalam kalangan murid untuk belajar tanpa guru tersebut mahu mencuba pelbagai pendekatan yang dapat memotivasikan murid untuk belajar (Mohd Paris Salleh, 2014). Teknik hafalan hanya berkesan dalam ingatan manusia untuk jangka masa yang pendek dan perkara ini menyebabkan murid mudah lupa tentang apa yang telah dipelajari pada masa lalu. Bagi memastikan murid menguasai isi pelajaran yang diajar oleh guru, murid perlu melalui sesi pengajaran dan pembelajaran yang menarik, kreatif dan berkesan pada dirinya. Oleh demikian, pendekatan didik hibur yang dilaksanakan secara terancang dan menarik mampu mengekalkan momentum murid dari segi minat dan usaha untuk menguasai isi pelajaran yang diajar guru di bilik darjah dan bukannya melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara menghafal kerana mengandungi elemen seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi.



Dalam satu kajian lain, terdapat pula guru yang tidak mahu melaksanakan pendekatan inovasi yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kerana beranggapan perkara ini menyebabkan pertambahan beban tugas serta mengambil masa yang lama untuk mempelajari pendekatan pengajaran baru yang bakal dilaksanakan di bilik darjah (Owing Ji Seng, 2020). Sesi pengajaran yang menerapkan elemen inovasi secara terancang dan sistematik oleh guru dapat mengembangkan potensi, pembangunan minda, pemikiran yang kreatif dan inovatif dalam kalangan murid. Strategi pengajaran yang kreatif, pendekatan yang menarik, aktiviti menyeronokkan dan bebas daripada tekanan atau kebimbangan dapat membantu penerapan elemen inovasi dengan lebih mudah proses pengajaran dan pembelajaran.



Secara rumusannya, pemilihan pendekatan mengajar secara berpusatkan guru, komunikasi satu hala, kurang mengaplikasikan peralatan dan bahan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi atau iklim bilik darjah yang tidak kondusif seperti masalah disiplin atau murid yang bimbang atau takut terhadap guru telah menjadi penyumbang kepada proses pengajaran yang tidak kreatif dan tidak menarik perlu dihadapi oleh murid. Faktok-faktor yang dinyatakan ini boleh menjadi halangan dalam mencipta dan mewujudkan murid yang akan menguasai dan memahami isi pelajaran melalui topik-topik yang diajar di bilik darjah.

1.3.2 Aspek Pengajaran Peribahasa

Setelah memahami pengajaran guru dan masalah yang dihadapi, penelitian dilakukan pula tentang pengajaran peribahasa bagi murid-murid sekolah. Kajian ini memberi fokus kepada pemilihan simpulan bahasa sebagai perkara pokok yang hendak dikaji. Memandangkan simpulan bahasa merupakan salah satu daripada kategori peribahasa, maka perkaitan dengan permasalahan pengajaran yang timbul pada kajian penyelidikan terdahulu tentang peribahasa telah diambil kira untuk membantu pengkaji mengukuhkan pernyataan masalah sekaligus melaksanakan kajian tentang pendekatan didik hibur yang digunakan ketika mengajar topik simpulan bahasa.

Pengajaran peribahasa kepada murid sekolah rendah adalah berkaitan tentang aspek memperoleh kefahaman terhadap makna peribahasa, kebolehan mengolah ayat berdasarkan peribahasa, kebijaksanaan menulis idea-idea yang lengkap menjadi sebuah karangan yang bermakna untuk dibaca juga melancarkan proses komunikasi lisan

dalam kehidupan seharian. Perkara ini mempunyai hubung kait dengan penyampaian isi pelajaran melalui strategi, pendekatan, kaedah atau teknik yang digunakan guru di bilik darjah. Kajian oleh Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017) mendapati penguasaan murid sekolah kebangsaan terhadap pengetahuan, pemahaman dan penggunaan peribahasa dalam kemahiran lisan dan kemahiran menulis berada di tahap yang sederhana tetapi masih boleh diperbaiki serta dipulihkan jika menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian berpandukan tahap penguasaan murid.

Penguasaan peribahasa dalam kalangan murid bermula daripada tindakan bijak guru melalui perancangan dan pelaksanaan pengajaran yang teliti dan menarik di bilik darjah. Menurut Mohd Ridzuan Md Nasir (2018), pengajaran dan pembelajaran peribahasa akan menjadi lebih mudah dikuasai dan difahami apabila murid melalui pembelajaran yang menyeronokkan manakala guru pula bertindak sebagai pemudahcara yang menggerakkan segala aktiviti pembelajaran. Namun begitu, penggunaan kaedah konvensional seperti mengajar peribahasa dari sudut makna sahaja, pastinya tidak membantu untuk membina pengetahuan murid secara lebih mendalam dan menyeluruh (Mohd Ridzuan Md Nasir dan Mary Fatimah Subet, 2019). Sebaliknya, sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi menarik jika guru menyediakan ruang dan peluang untuk murid meneroka secara luas, komunikasi dua hala dan melalui aktiviti yang kreatif dalam memastikan murid aktif serta boleh menonjolkan kemahiran diri yang sedia ada bagi memastikan isi pelajaran dikuasai.

Menghafal peribahasa beserta maknanya secara harfiah tidak seharusnya dijadikan satu tabiat yang berterusan oleh guru supaya murid dapat menguasai semua kategori peribahasa. Sebaliknya, murid-murid patut diberikan bimbingan, panduan



dan sokongan supaya mereka dapat meneroka makna peribahasa secara kontekstual. Kajian oleh Zanariah Abdol (2016) menunjukkan wujudnya masalah dalam kalangan murid untuk menggunakan peribahasa yang bersesuaian mengikut konteks sama ada berbentuk penulisan atau menjawab soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan PT3 atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tambahan juga, murid turut menjadi pasif serta terbit jurang komunikasi antara guru dan murid kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sekadar berbentuk satu hala serta berpusatkan guru semata-mata (Arni Johan, 2012). Pada masa yang sama juga, masalah timbul disebabkan murid tidak berupaya menguasai makna yang tersirat pada tiap-tiap satu peribahasa kerana sekadar membaca peribahasa dan makna peribahasa yang tertera pada buku atau kamus tanpa memahamii maksud yang hendak disampaikan.



Selain itu, kaedah hafalan adalah perkara paling dibenci dan sukar untuk dilakukan oleh murid yang tidak meminati mata pelajaran tertentu di bilik darjah (Norhasyimah Hamzah, Roziyati Omar, Arihasnida Ariffin, Siti Nur Kamariah Rubani dan Tamil Selvan Subramaniam, 2018). Pengajaran peribahasa berdasarkan kaedah hafalan hanya akan membentuk murid yang lebih banyak menghafal rumus demi mencapai markah yang baik dalam ujian bulanan atau peperiksaan berbanding menghayati unsur seni dan ketinggian nilai dalam peribahasa itu sendiri.

Kajian oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2010) mengemukakan hasil iaitu wujud prestasi penguasaan peribahasa yang lemah dalam kalangan murid tingkatan tiga akibat bahan pengajaran yang digunakan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah kaku, tidak mencabar serta amat membosankan. Ini turut memberi petunjuk bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan kurang sesuai hingga terjadinya situasi ini. Lebih menyukarkan keadaan,





sebilangan guru menggunakan buku teks semata-mata dalam proses penyampaian ilmu hingga menyebabkan murid berasa bosan untuk mempelajari peribahasa (Azhar Ab Wahab, Amirah Ahmad dan Siti Aishah Md. Arif. (2015). Seharusnya guru menggunakan bahan sokongan lain untuk mengajar seperti tayangan video, aplikasi kuiz secara dalam talian dan sebagainya.

Berdasarkan kajian Mohd Ridzuan Md Nasir (2017) yang menjadikan PISATUM sebagai model permainan pendidikan berkaitan peribahasa telah menghasilkan dapatan melalui pemerhatian di bilik darjah menunjukkan pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang tidak berkesan kepada murid menyebabkan murid berada pada tahap yang lemah dalam menguasai peribahasa walaupun telah melalui proses pembelajaran peribahasa sejak diperingkat sekolah rendah. Oleh demikian, penggunaan model PISATUM iaitu sejenis teknik permainan bahasa telah menjadikan pelajar aktif ketika proses pengajaran peribahasa lantaran wujud perasaan suka terhadap aktiviti menarik yang dirancang oleh pengkaji ini sendiri untuk mengajar topik peribahasa.

Selain itu, kajian pada masa lalu yang dilakukan oleh ahli bahasa dan ahli linguistik lebih memberi fokus dan menyentuk aspek semantik, pragmatik dan perbandingan dengan bahasa lain seperti yang dilaksanakan oleh Ahmad Fuad Mat Hassan dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017); Hasmidar Hassan (2016); Ragini Ragavan dan Che Ibrahim Salleh (2015) berbanding aspek pedagogi dalam pendidikan. Kajian semantik misalnya memberi hasil tentang pengkajian simpulan bahasa daripada sudut makna yang menggunakan pelbagai teori untuk membentuk maksud. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Nor Asiah Ismail (2017) tentang pembentukan makna simpulan bahasa berdasarkan “kepala” seperti “kepala angin” dan “kepala





batu”. Biarpun kajian dari sudut semantik, pragmatik dan perbandingan bermanfaat kepada anggota masyarakat, namun kategori kajian ini lebih memihak kepentingannya mengangkat status bahasa Melayu berbanding penyediaan pendekatan atau kaedah yang sesuai untuk mengajar simpulan bahasa kepada golongan kanak-kanak.

Sesungguhnya, kajian masa lalu sudah ada yang menyentuh tentang penguasaan peribahasa seperti simpulan bahasa, perumpamaan dan pepatah dalam kalangan rakyat Malaysia sama ada murid sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi atau anggota masyarakat. Kajian-kajian tersebut menyentuh aspek pengetahuan makna peribahasa dan kebolehan membina ayat atau menghasilkan karangan berdasarkan peribahasa. Kajian terdahulu yang dijalankan turut menyentuh tentang kaedah pembelajaran peribahasa melalui strategi pengajaran oleh guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di bilik darjah. Kajian yang dilakukan turut mencadangkan pelbagai jenis permainan, bahan bantu mengajar dan pemilihan strategi pengajaran dalam usaha meningkatkan penguasaan murid terhadap peribahasa. Pada masa yang sama, terdapat juga ahli akademik dan ahli bahasa menjalankan kajian tentang peribahasa berdasarkan data, teori dan falsafah untuk melihat makna peribahasa yang hendak disampaikan kepada masyarakat seperti yang dilakukan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010), Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2016), Nur Afiqah Wan Mansor (2016) dan Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2017).

Bersandarkan kepada kajian-kajian yang dinyatakan berserta masalah yang dihuraikan oleh pengkaji terdahulu, kajian terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran peribahasa khususnya simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah wajar dilaksanakan. Jelaslah bahawa dengan melihat beberapa siri kajian





berkaitan kelemahan pemilihan pendekatan ketika mengajar dan masalah penguasaan peribahasa dalam kalangan murid yang dilaksanakan pada masa lalu, belum ada pengkaji yang menjalankan kajian secara lebih menyeluruh dan mendalam untuk mengajar simpulan bahasa menggunakan pendekatan didik hibur bagi murid sekolah rendah. Bertitik tolak daripada keadaan ini, kajian tentang pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa sekolah rendah wajar diketengahkan supaya segala perincian dapatan berdasarkan kajian boleh dikongsikan kepada guru-guru mata pelajaran bahasa Melayu untuk proses penambaan bagi pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa di bilik darjah. Kajian ini juga diharapkan dapat mengisi lompong-lompong kekurangan dengan memanfaatkan kaitan Teori Relevans dalam mencipta kefahaman murid terhadap nilai makna simpulan bahasa yang telah dipelajari di bilik darjah.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini berkaitan tentang pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa bagi sekolah rendah. Terdapat tiga objektif kajian yang dibina seperti berikut.

1. Mengenal pasti pendekatan didik hibur yang digunakan oleh guru dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah.
2. Menghuraikan cabaran yang dihadapi guru ketika pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah.
3. Menjelaskan kefahaman murid tentang simpulan bahasa berdasarkan Teori Relevans.





1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dibina, kajian ini akan menjawab tiga soalan kajian seperti berikut :

1. Apakah pendekatan didik hibur yang digunakan guru dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah?
2. Apakah cabaran yang dihadapi guru ketika melaksanakan pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah?
3. Apakah hubung kait kefahaman murid tentang simpulan bahasa berdasarkan Teori Relevans?



1.6 Kepentingan Kajian

Pelaksanaan sesuatu kajian pasti mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada individu, sekumpulan individu mahu pun organisasi. Segala maklumat yang terhasil daripada proses kajian wajar untuk disebar luas kepada pelbagai pihak khususnya guru-guru mata pelajaran bahasa Melayu dan murid-murid sekolah rendah. Kajian ini dilakukan demi memastikan pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan oleh kurikulum bahasa Melayu. Prestasi serta kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah menjadi tanggungjawab banyak pihak yang berada dalam sektor pendidikan rendah mahupun menengah. Berikut merupakan kepentingan kajian kepada pihak yang terlibat.





1.6.1 Kepentingan Kajian kepada Guru

Kajian ini menghasilkan kepentingan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Para guru boleh menjadikan penulisan dapatan kajian sebagai panduan untuk mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang menarik dan kreatif di bilik darjah. Berbekalkan kelemahan murid seperti sukar memahami makna simpulan bahasa, kesukaran membina ayat atau menulis karangan berdasarkan simpulan bahasa, kajian ini wajar dijadikan rujukan untuk mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti menggunakan pendekatan didik hibur yang merangkumi aktiviti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi sebagai asas dominan pengajaran dengan tujuan mencapai objektif pengajaran pada masa tersebut.

Para guru juga diharapkan mengambil langkah proaktif atau menyediakan satu pelan tindakan untuk mengatasi cabaran-cabaran yang berlaku ketika proses pengajaran simpulan bahasa berdasarkan laporan hasil temu bual supaya pengajaran di bilik darjah menjadi lebih kreatif, menarik serta mencapai objektif yang dikehendaki. Penyampaian ilmu pengetahuan secara kreatif dan menarik menjadi motivasi kepada murid supaya kekal fokus terhadap penyampaian isi pelajaran, mendorong diri murid menyertai aktiviti yang dijalankan serta meningkatkan prestasi penguasaan terhadap isi kandungan pelajaran dari semasa ke semasa.





1.6.2 Kepentingan Kajian kepada Murid

Hasil kajian boleh digunakan untuk membantu murid-murid menguasai simpulan bahasa melalui pendekatan pembelajaran yang kreatif dan menarik. Pendekatan didik hibur melibatkan aktiviti seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi pasti disukai oleh kanak-kanak khususnya murid-murid sekolah rendah sebagai kerana mereka diberi ruang dan peluang untuk belajar disamping menampilkan bakat yang ada dalam diri.

Murid-murid perlu diberi kesedaran tentang kepentingan menguasai semua topik bagi mata pelajaran bahasa Melayu termasuklah simpulan bahasa. Murid yang terlibat secara aktif terhadap semua aktiviti yang dianjurkan guru ketika proses pengajaran berlaku, berupaya membantu membina dan membentuk pemerolehan ilmu secara langsung dan tidak langsung. Perkara ini menjadikan murid berkeyakinan untuk mengujarkan komunikasi yang berkaitan simpulan bahasa atau menzahirkan pandangan melalui aspek penulisan. Melalui pemerolehan dan penguasaan simpulan bahasa yang mantap, khazanah intelektual Melayu dapat dikekalkan disamping mewujudkan bangsa bertamadun yang bijaksana untuk menggambarkan lisan dan tulisan sebagai akal budi serta mempunyai jati diri yang dihormati di seluruh dunia.

1.6.3 Kepentingan Kajian kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Kepentingan kajian tidak hanya meliputi murid dan guru tetapi turut menghasilkan kebaikan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), khususnya





Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Melalui kajian ini, diharapkan pihak KPM dapat membantu para guru dengan melakukan program tambah baik bagi topik simpulan bahasa. Antara program tambah baik yang boleh dilaksanakan adalah menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa. Modul ini berguna sebagai pemudahcara untuk guru mata pelajaran bahasa Melayu mengaplikasikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan serta bermakna kepada semua murid. Modul yang disediakan boleh menjadi kayu pengukur dalam melihat keberkesanan pendekatan didik hibur terhadap pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa murid sekolah rendah.

Selain daripada penyediaan modul pengajaran, diharapkan laporan hasil kajian ini menjadi cetus idea awal kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia merangka dan mengadakan sesi bengkel, latihan atau seminar berkaitan pendekatan didik hibur secara menyeluruh kepada guru bahasa Melayu agar penyampaian ilmu menjadi mantap dan menghasilkan murid yang menguasai bahasa Melayu pada tingkat tertinggi. Usaha yang jitu pasti menghasilkan impak penguasaan ilmu yang bermanfaat buat murid-murid di seluruh Malaysia.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual merangkumi tajuk, tujuan, objektif, persoalan, instrumen, reka bentuk dan analisis data (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2021). Berikut merupakan kerangka konseptual bagi kajian ini.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan rajah 1.2 pengkaji membina kerangka konseptual kajian untuk menerangkan secara menyeluruh tentang kajian yang dilaksanakan. Melalui kerangka konsep, pembaca lebih mudah memahami proses kajian yang dimulai dengan pemilihan tajuk kajian iaitu pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa sekolah rendah dan berakhir dengan kaitan antara Teori Relevans dengan kefahaman murid terhadap makna simpulan bahasa.

Kajian ini menggunakan prosedur pengumpulan data secara kepustakaan, pemerhatian, temu bual separa struktur dan analisis kandungan dokumen. Semua data yang diperoleh sepanjang pelaksanaan kajian akan dianalisis secara bertema dan dijelaskan dengan keterangan yang bersandarkan kepada petikan ayat daripada sesi

komunikasi guru ketika mengajar di bilik darjah, temu bual bersama guru berkaitan cabaran dan melihat kepada pemilihan jawapan soalan ujian simpulan bahasa yang dilakukan kepada murid.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian menjelaskan had atau limitasi kajian daripada pelbagai aspek metodologi seperti batasan sampel, lokasi, instrumen dan prosedur kajian (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2021). Melalui batasan kajian, pengkaji mempunyai kesedaran yang tinggi akan realiti, kesan dan sumbangannya kepada pelbagai pihak yang berkeperluan terhadap hasil laporan kajian tersebut. Berikut dijelaskan batasan dalam kajian ini.

1.8.1 Pemilihan Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan disatu lokasi sahaja iaitu sebuah sekolah yang terletak dalam satu daerah dinegeri Selangor. Pengkaji memilih sekolah ini sebagai lokasi kajian kerana pengkaji pernah berkhidmat di sekolah ini dan mengajar mata pelajaran bahasa Melayu bagi murid-murid tahap dua iaitu tahun lima. Kedudukan sekolah dipilih berada di kawasan yang sedang rancak membangun dengan sektor perumahan dan perniagaan, mempunyai akses jalan raya yang baik, jaringan lebuh raya yang berdekatan serta mempunyai fasiliti awam yang baik seperti kemudahan jaringan internet berkelajuan tinggi.



Aspek-aspek yang disenaraikan ini menjadikan sekolah berada pada tahap prestasi akademik yang baik dalam peperiksaan awam iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) saban tahun kerana murid terdedah kepada fasiliti mendapatkan ilmu pengetahuan yang tidak hanya diperoleh daripada sekolah semata-mata sebaliknya menggunakan saluran lain seperti pusat tuisyen yang membantu memacu kefahaman murid terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Selain itu, iklim sekolah yang baik seperti pengurusan bilik darjah yang bersepadu dan tahap masalah disiplin murid yang minimum membolehkan kajian dilaksanakan mengikut keperluan yang telah dirancang.

1.8.2 Pemilihan Responden Kajian



Kajian ini terbatas kepada seorang guru opsyen bahasa Melayu dan mengajar mata pelajaran bahasa Melayu bagi murid-murid tahun lima. Guru ini dipilih kerana menepati kehendak pemilihan responden kajian iaitu memiliki pengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Melayu selama tiga puluh tahun, menjawat jawatan sebagai ketua panitia bahasa Melayu, terlibat dalam pelbagai siri bengkel dan kursus berkaitan pedagogi bahasa Melayu, penglibatan yang aktif dalam pertandingan ko-akademik bahasa Melayu seperti bercerita, sahiba dan pidato.

Seterusnya, kajian ini hanya melibatkan murid-murid tahun lima dan telah mengikuti mata pelajaran wajib bahasa Melayu dari tahun satu hingga tahun lima. Kumpulan murid dipilih ini telah mempelajari simpulan bahasa dari seawal darjah dua yang menjadikan mereka telah mempunyai pengalaman belajar topik tersebut.





1.8.3 Pemilihan Bidang Kajian

Pemilihan bidang kajian hanya tertumpu kepada pendekatan didik hibur yang menyarankan aktiviti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi. Selain itu, biarpun peribahasa mempunyai kategori yang pelbagai seperti simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbandingan dan kata-kata hikmat, namun kajian ini membuat penetapan hanya memilih satu kategori peribahasa sahaja iaitu simpulan bahasa sebagai topik pengajaran yang akan dilaksanakan secara didik hibur.

1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang akan digunakan sepanjang penulisan kajian ini dilakukan. Definisi operasional bertujuan memudahkan penelitian berkaitan pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa bagi murid tahun lima sekolah rendah. Kesemua definisi yang dinyatakan perlu difahami supaya hasil kajian benar-benar menepati objektif yang dibina. Definisi operasional dibahagikan kepada perkara berikut :

1.9.1 Pendekatan

Pendekatan adalah arah atau hala tuju yang diambil untuk menuju sasaran (Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad, 2015). Manakala, menurut Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Che Husain (2008), pendekatan merupakan satu cara dan





digunakan oleh guru dalam menyampaikan isi pelajaran agar objektif dan matalamat yang ditetapkan dapat dicapai. Pendekatan pengajaran terdiri daripada induktif, deduktif, elektrik, tematik, masteri, penyebatian, konstruktif dan kontekstual. Sebelum memulakan proses pengajaran, guru harus menyediakan rancangan pengajaran yang disusun rapi bagi memudahkan proses penyampaian ilmu. Pendekatan yang hendak digunakan ketika mengajar haruslah berlandaskan teori, prinsip atau model-model tertentu seperti Teori Piaget, Teori Skinner dan sebagainya.

1.9.2 Didik Hibur

Kamus Dewan Edisi Keempat (2021), mendefinisikan didik sebagai pelihara, jaga dengan hati-hati manakala, hibur bermaksud menyenangkan atau menggirangkan hati. Maka, frasa didik hibur boleh dirujuk definisinya sebagai memelihara atau menjaga dengan berhati-hati namun boleh menyenangkan atau menggirangkan hati. Apabila didik hibur berada dalam situasi pendidikan, sudah pasti pendekatan didik hibur memberi makna yang berkaitan dengan corak pengajaran guru di bilik darjah yang berhasrat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid secara terancang dan menggembirakan hati hingga menimbulkan minat serta merangsang motivasi agar murid menguasai topik yang diajar pada masa tersebut.

Manakala, Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM menjelaskan didik hibur sebagai pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi penekanan terhadap persekitaran pembelajaran menyeronokkan secara terancang dari awal. Perkara ini juga disebut sebagai belajar sambil bermain. Subtopik berikut





merupakan penjelasan secara mendalam terhadap empat aktiviti didik hibur iaitu nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi.

1.9.2.1 Nyanyian

Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mentakrifkan nyanyian sebagai gubahan muzik yang dilagukan dengan suara. Menurut Nani Menon (2005), nyanyian adalah aktiviti yang menyeronokkan terhadap kanak-kanak. Selain itu, penggunaan teknik nyanyian berupaya meningkatkan pencapaian murid-murid dan membentuk sikap positif terhadap pembelajaran kerana tiada tekanan ketika menjalani aktiviti nyanyian (Rene Pantun, 2016). Bahkan juga, Siti Rohana Salleh (2021) menjelaskan bahawa nyanyian adalah aktiviti penggunaan suara dan boleh dijadikan satu alat muzik secara semula jadi yang boleh meningkatkan motivasi murid untuk belajar.

1.9.2.2 Lakonan

Lakonan melibatkan aktiviti atau pergerakan tubuh badan dan yang didasari perlakuan manusia (Owing Ji Seng, 2020). Manakala, Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mentakrifkan lakonan sebagai perihal memainkan sesuatu drama, sandiwara dan sebagainya. Lakonan dilakukan oleh watak-watak tertentu untuk memperlihatkan keadaan sebenar atau meniru cara dan bentuk kegiatan-kegiatan yang dilakukan dalam kehidupan sesebuah masyarakat (Modul KPKI Bahasa Melayu, 2014).





Selain itu, Suppiah Nachiappan (2015) menyatakan lakonan melibatkan kaedah komunikatif dan pendekatan induktif, iaitu secara kaedah terus elektif dan audiolingual. Ini bertujuan melatih kanak-kanak menggunakan unsur bahasa, unsur paralinguistik iaitu jeda, nada dan intonasi serta bukan linguistik seperti mimik muka, gerak tangan dan kepala agar memberi kesan terhadap interaksi bahasa atau perbuatan. Teknik lakonan melibat aktiviti seperti mimos, arca, improvisasi, main peranan, simulasi, teater bercerita, pentomin, mestamu dan dikon.

1.9.2.3 Bercerita

Bercerita adalah mengisahkan sesuatu cerita, bercakap atau berbual-bual mengenai sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2021) Bercerita adalah pengalaman istimewa manusia yang disampaikan oleh individu melalui kata-kata dari diri sendiri atau orang lain dan dunia nyata atau imaginasi (Alterio dan McDrury, 2004). Teknik bercerita sering digunakan guru dalam sesi pengajaran di bilik darjah untuk menyampaikan isi-isi pelajaran dan teknik ini telah diaplikasikan guru sejak sekian lama. Cerita yang disampaikan adakalanya bukanlah sahik kebenarannya namun boleh direka demi menarik minat murid supaya mendengar dan belajar bahasa Melayu melalui intonasi, mimik muka, suara, pergerakan dan gaya yang sesuai (Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia, 2015).



1.9.2.4 Puisi

Puisi merupakan karya sastra yang dibina menggunakan kata-kata yang indah serta kaya dengan maksud yang mendalam tentang sesuatu perkara. Puisi berdiri daripada ayat yang tidak lengkap tetapi boleh terhasil daripada frasa yang disusun dalam bentuk baris (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009). Kumpulan puisi yang terlibat untuk pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sekolah rendah adalah sajak, syair, pantun dan gurindam. Manakala, Za'ba (2002) mendefinisikan puisi sebagai karangan berangkai khas yang digunakan untuk menzahirkan hasil buah fikir melalui bahasa yang indah dan mempamerkan keindahan bahasa melalui puisi.

1.9.3 Peribahasa

Peribahasa Melayu bertujuan menyampaikan sindiran, kiasan serta menyatakan rasa hati fikiran seperti juga pantun (Liliy Salwani Razali dan Shaiful Bahri Md. Radzi, 2019). Aminuddin Mansor (2015) menambah, orang Melayu menzahirkan rasa dihati dan buah fikiran melalui pantun dan peribahasa untuk menggambarkan perasaan yang berlaku dalam diri serta melontarkan pandangan terhadap sesuatu perkara.

Peribahasa adalah cabang sastra lama yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Kewujudan peribahasa seiring dengan wujudnya bahasa dan peradaban sesuatu bangsa (Abdullah Hussain, 2016). Kategori peribahasa yang disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) terdiri daripada simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat. Insan bijaksana



sebelum kewujudan undang-undang secara bertulis bagi tujuan mengawal tingkah laku seseorang telah mencipta petua, nasihat atau petunjuk untuk digunakan sebagai tertib pergaulan, tatasusila pergaulan dan perhubungan sesama insan.

1.9.4 Simpulan Bahasa

Simpulan bahasa didefinisikan sebagai ungkapan yang terdiri berdasarkan dua atau tiga perkataan yang tersimpul dengan susunan tetap dan mempunyai makna tersirat yang berlainan daripada makna asal perkataan-perkataannya (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2014). Simpulan bahasa tercipta disebabkan pemerhatian orang-orang dahulu berdasarkan benda yang ada di persekitaran mereka.

Justeru, simpulan bahasa adalah perkataan yang disusun secara ringkas sama ada terdiri daripada dua atau tiga perkataan yang berbeza makna asal perkataannya di samping mempunyai maksud yang sangat luas untuk memberitahu sesuatu perkara. Manakala, Abdullah Hussain (2003) memaknakan simpulan bahasa adalah salah satu peribahasa yang kebiasaannya terdiri daripada dua patah perkataan sahaja serta membawa maksud yang tepat dan padat.

1.10 Rumusan

Pendekatan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah adalah fokus utama sepanjang kajian dilaksanakan. Oleh itu, penumpuan diberikan kepada objektif kajian, soalan kajian dan pernyataan masalah yang





diharapkan dapat menimbulkan kefahaman kepada khalayak pembaca kelak. Sudah banyak kajian berkaitan pendekatan didik hiburan peringkat sekolah rendah dilaksanakan oleh pengkaji dari Malaysia seperti guru, pelajar universiti atau pensyarah di institusi pengajian tinggi negara. Namun, belum ada kajian yang mengkhusus kepada pengaplikasian pendekatan didik hiburan untuk mengajar simpulan bahasa kepada murid-murid sekolah rendah. Penyelidikan tentang pendekatan didik hiburan bagi mengajar murid-murid tentang simpulan bahasa perlu diteliti dan diteroka secara lebih terperinci agar proses tersebut dapat difahami dengan lebih mendalam.

